

**SOALAN LAZIM**  
**KEMPEN MYPTPTN. KLIK-KLIK JE!**

**1. Soalan:**

Apakah Kempen myPTPTN, Klik-klik je!?

**Jawapan:**

Kempen myPTPTN, Klik-klik je! merupakan sempena pelancaran aplikasi mudah alih myPTPTN. Kempen ini juga bertujuan untuk menggalakkan pelanggan PTPTN memuat turun dan menggunakan aplikasi mudah alih myPTPTN dan seterusnya menggunakan perkhidmatan yang disediakan di dalam aplikasi tersebut.

**2. Soalan:**

Bilakah tempoh kempen ini bermula?

**Jawapan:**

Tempoh kempen ini bermula pada **29 Mac 2022 hingga 15 Jun 2022.**

**3. Soalan:**

Siapakah yang layak untuk menyertai Kempen myPTPTN, Klik-klik je!?

**Jawapan:**

Terbuka kepada semua pengguna aplikasi mudah alih myPTPTN yang menggunakan perkhidmatan yang disediakan di dalamnya sepanjang tempoh kempen **KECUALI:**

- a. Kakitangan PTPTN dan ahli keluarga (merangkumi pasangan dan anak-anak);
- b. Kakitangan PosDigicert dan ahli keluarga (merangkumi pasangan dan anak-anak);

**4. Soalan:**

Apakah aktiviti pengguna yang telah disediakan di dalam aplikasi mudah alih myPTPTN untuk menentukan pemilihan pemenang sepanjang tempoh kempen?

**Jawapan:**

Terdapat lima (5) aktiviti pengguna yang telah disediakan di dalam aplikasi mudah alih myPTPTN sepanjang tempoh kempen:

- i. Muat turun aplikasi myPTPTN di telefon pintar dan membuat pengesahan identiti;
- ii. Transaksi bayaran balik pinjaman PTPTN;
- iii. Transaksi penambahan deposit Simpan SSPN;
- iv. Permohonan potongan gaji untuk bayaran balik pinjaman dan/atau Simpan SSPN;
- v. Permohonan debit terus untuk bayaran balik pinjaman dan/atau Simpan SSPN.

**5. Soalan:**

Bagaimanakah penentuan pemenang dan apakah kriteria untuk peserta dipilih sebagai pemenang?

**Jawapan:**

Penentuan pemenang yang mengikut kategori dan berdasarkan kepada kriteria berikut:

Kategori	Pemilihan Pemenang	Hadiah
Muat turun aplikasi myPTPTN di telefon pintar dan membuat pengesahan identiti	Muat turun yang ke-252, ke-2,525, ke-25,252, ke-252,525, ke-525,252	RM10,000 x 5
Transaksi bayaran balik pinjaman PTPTN yang berjaya	Transaksi yang ke-25, ke-252, ke-2,525, ke-25,252, ke-252,525, ke-525,252	RM10,000 x 6
Transaksi penambahan deposit Simpan SSPN yang berjaya	Transaksi yang ke-25, ke-252, ke-2,525, ke-25,252, ke-252,525, ke-525,252	RM10,000 x 6
Permohonan potongan gaji yang lengkap	Permohonan yang ke-25, ke-252, ke-2,525, ke-25,252	RM10,000 x 4
Permohonan debit terus yang lengkap	Permohonan yang ke-25, ke-252, ke-2,525, ke-25,252	RM10,000 x 4

**6. Soalan:**

Adakah peserta boleh menyertai kelima-lima aktiviti pengguna sepanjang tempoh kempen?

**Jawapan:**

Ya, peserta boleh menyertai kelima-lima aktiviti pengguna sepanjang tempoh kempen.

**7. Soalan:**

Bagaimanakah maklumat kepada pemenang hadiah Kempen myPTPTN, Klik-klik je! akan dibuat?

**Jawapan:**

Pemenang akan dimaklumkan melalui surat/ emel/ panggilan telefon atau kaedah penyampaian lain yang bersesuaian. Nama-nama pemenang juga akan dipaparkan di laman portal rasmi PTPTN: [www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my)

**8. Soalan:**

Bagaimanakah pemenang boleh membuat tuntutan hadiah tunai tersebut?

**Jawapan:**

Tuntutan hadiah tunai yang dimenangi akan dikreditkan ke dalam akaun Simpan SSPN Prime dan sekiranya pemenang tidak mempunyai akaun Simpan SSPN Prime, pembukaan akaun akan dibuat berdasarkan kepada maklumat pemenang yang terdapat di dalam rekod PTPTN.

**9. Soalan:**

Bilakah hadiah tunai Kempen myPTPTN, Klik-klik je! akan dikreditkan ke akaun pemenang?

**Jawapan:**

Hadiah tunai yang dimenangi akan dikreditkan ke dalam akaun Simpan SSPN Prime dalam tempoh **DUA (2) BULAN** dari tarikh cabutan.

**10. Soalan:**

Adakah hadiah berbentuk ganjaran tunai Kempen myPTPTN, Klik-klik je! yang dimenangi, layak untuk diambil kira sebagai kiraan pelepasan taksiran cukai?

**Jawapan:**

Hadiah berbentuk ganjaran tunai yang dimenangi oleh pendeposit adalah **TIDAK LAYAK** untuk diambil kira sebagai sebahagian daripada potongan cukai. Potongan yang dituntut adalah terhad kepada amaun tabungan bersih (jumlah caruman pendeposit) di dalam Simpan SSPN yang dilakukan oleh seseorang individu yang terhad kepada RM8,000 di dalam sesuatu tahun sahaja.

**11. Soalan:**

Bagaimanakah pemenang boleh menyemak penyata simpanan akaun Simpan SSPN Prime?

**Jawapan:**

Pemenang boleh menyemak penyata simpanan akaun Simpan SSPN Prime di Portal Rasmi PTPTN ([www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my)) atau menghubungi talian Careline 03-2193 3000 untuk info lanjut.

*Nota: Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami Terma & Syarat penuh  
**Kempen myPTPTN, Klik-klik je!***

*Maklumat dikemaskini pada 24 Mac 2022*